



NILAI & ETIKA WARGA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



NILAI & ETIKA WARGA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

KANDUNGAN



Kata-kata Aluan



Visi, Misi dan Falsafah UiTM



Kerangka Integriti UiTM



Definisi Nilai dan
Etika Warga UiTM



10 Nilai dan Etika
Warga UiTM

Budaya
PERDANA UiTM


Nilai dan Etika Warga UiTM
dan Budaya PERDANA UiTM

Audit Nilai

Wawasan Setia Warga UiTM

Jawatankuasa Buku Nilai dan
Warga Etika UiTM

Senarai Rujukan



Kata-Kata Aluan

Objektif Nilai dan Etika Warga UiTM adalah menjadikan UiTM berintegriti tinggi sesuai dengan Dasar Integriti UiTM, iaitu; **UiTM beriltizam membudayakan pengurusan yang berintegriti dan berakauntabiliti ke arah menjadi Universiti Bertaraf Dunia** dan Dasar Pembangunan Pelajar UiTM, iaitu; **Melahirkan Modal Insan Kelas Pertama**.



Buku Nilai dan Etika Warga UiTM ini wajar dimiliki oleh setiap warga UiTM sebagai garis panduan menjadi seorang warga UiTM berintegriti tinggi berdasarkan "Kerangka Integriti UiTM" tanpa menidakkan panduan agong yang sedia ada iaitu al-Quran dan as-Sunnah khususnya bagi orang Islam.

Warga UiTM bermaksud, Staf Pentadbiran, Staf Akademik dan Pelajar di seluruh sistem UiTM. Kesepadan penghayatan 10 Nilai Asas Universiti (yang dijelaskan dalam buku ini) hendaklah digarap amalannya dalam 7 prinsip Budaya PERDANA supaya membentuk citra warga UiTM dalam sebuah institusi pengajian tinggi awam yang cekap, berdisiplin serta istiqamah mengamalkan nilai-nilai murni masyarakat.

Warga UiTM amat digalakkan untuk terlibat dan menyertai pelbagai program memantapkan Nilai dan Etika yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Teknikal Pelan Integriti Nasional (PIN) UiTM. Jawatankuasa Program Kemahiran Insaniah (PRO KI) UiTM pula akan memudahkan cara pelajar dengan mengatur pelbagai program kemahiran insaniah pelajar UiTM untuk mencapai objektif Nilai dan Etika Warga UiTM.

Setiap warga UiTM pula hendaklah memberi cadangan dan maklum balas dalam Audit Nilai yang UiTM laksanakan. Cadangan dan maklum balas ini adalah maklumat penting untuk Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus UiTM menggubal dasar dan strategi serta tindakan penambahbaikan bagi memastikan pengukuhan Integriti di UiTM.

Semoga warga UiTM akan terus unggul dan berpegang teguh kepada satu Nilai dan Etika Warga UiTM selaras dengan konsep 1UiTM.

Dato' Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar, FASc
Naib Canselor



VISI UiTM

Menjadikan UiTM sebuah universiti unggul yang berteraskan kesarjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan **beretika**.


MISI UiTM

Mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada **nilai-nilai murni dan etika** keprofesionalan.


FALSAFAH UiTM

Seseorang individu mampu berusaha untuk mencapai kecemerlangan melalui pemindahan ilmu serta penerapan **nilai-nilai murni** bagi melahirkan graduan profesional yang berperanan membangunkan diri, ilmu, masyarakat dan negara.

Pekeliling Naib Canselor (Bil. 19/2003; 11 November 2003)



INTEGRITI UiTM



Kerangka Integriti UiTM *

* Diluluskan oleh Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus, April 2011



Kerangka Integriti UiTM

Integriti merupakan agenda negara selaras dengan cabaran Keempat Wawasan 2020 iaitu, mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, yang mana warganegaranya kukuh dalam nilai agama, dan kejiwaan serta didorong oleh tahap etika paling tinggi. UiTM beriltizam dan komited merealisasi cabaran tersebut dengan menyusun pendekatan, strategi dan tindakan berdasarkan Kerangka Integriti UiTM.

10 Nilai dan Etika yang mendasari Kerangka Integriti UiTM merupakan kod amalan murni universal yang seharusnya diketahui, difahami dan dihayati untuk digarap dalam 7 prinsip Budaya PERDANA oleh setiap warga UiTM. Warga UiTM pula bermaksud, Staf Pentadbiran, Staf Akademik dan Pelajar di seluruh sistem UiTM. Kesepaduan penghayatan 10 Nilai Asas Universiti dalam 7 prinsip Budaya PERDANA ini adalah citra warga UiTM dalam sebuah institusi pengajian tinggi awam yang cekap, berdisiplin serta istiqamah mengamalkan nilai-nilai murni masyarakat.

Objektif Nilai dan Etika Warga UiTM ini adalah menjadikan UiTM berintegriti tinggi sesuai dengan Dasar Integriti UiTM, iaitu; **UiTM beriltizam membudayakan pengurusan yang berintegriti dan berakauntabiliti ke arah menjadi Universiti Bertaraf Dunia** dan Dasar Pembangunan Pelajar UiTM, iaitu; **Melahirkan Modal Insan Kelas Pertama**.

Jawatankuasa Teknikal Pelan Integriti Nasional (PIN) UiTM akan menyusun pendekatan, strategi dan tindakan-tindakan bagi meningkatkan serta memantapkan amalan Nilai dan Etika di kalangan warga UiTM. Dalam konteks ini, Jawatankuasa Program Kemahiran Insaniah (PRO KI) UiTM akan memudahkan pelajar dengan mengatur pelbagai program bagi memenuhi 7 elemen kemahiran insaniah pelajar UiTM untuk mencapai objektif Nilai dan Etika Warga UiTM.



Kerangka Integriti UiTM

Keberkesanan dan keberhasilan tindakan-tindakan ini akan dinilai menggunakan Audit Nilai, iaitu; satu kaedah untuk menilai keberkesanan program-program nilai murni dalam perkhidmatan awam dalam Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia.

Impak keberhasilan amalan 10 Nilai dan Etika dalam 7 prinsip Budaya Perdana oleh warga UiTM dan syor-syor daripada Jawatankuasa Teknikal PIN dan Jawatankuasa Pembangunan Pelajar akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus UiTM. Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus UiTM sebagai jawatankuasa tertinggi integriti UiTM pula bertindak untuk menggubal dasar dan strategi Integriti UiTM serta merancang inisiatif penambahbaikan secara berterusan memastikan dan menjamin integriti di UiTM.

“Tidakkah engkau melihat (Wahai Muhammad) bagaimana Allah mengemukakan satu perbandingan, iaitu: Kalimah yang baik adalah seumpama sebatang pohon yang baik, yang pangkalnya (akar tunjangnya) tetap teguh, dan cabang pucuknya menjulang ke langit. Ia mengeluarkan buahnya pada tiap-tiap masa dengan izin Tuhan dan Allah mengemukakan perbandingan – perbandingan itu untuk manusia, supaya mereka beringat (mendapat pelajaran). Dan dengan bandingan kalimah yang buruk itu, samalah seperti sebatang pohon yang tidak berguna yang mudah terbongkar akar-akar dari muka bumi; tidak ada tapak baginya untuk tetap hidup”.

(Ibrahim: 24-26)



Definisi Nilai dan Etika Warga UiTM

Kepercayaan yang mendorong tanggungjawab dan tingkah laku warga untuk membentuk citra warga UiTM dalam sebuah institusi pengajian tinggi awam yang cekap, berdisiplin serta istiqamah mengamalkan nilai-nilai murni masyarakat.

Warga UiTM pula bermaksud, Staf Pentadbiran, Staf Akademik dan Pelajar di seluruh sistem UiTM.



Amalan Nilai dan Etika Warga UiTM



Warga UiTM yang amanah ialah warga yang mendukung tanggungjawab di dalam bertindak dan melaksanakan tugas dengan amalan yang terbaik serta menggunakan sepenuh keupayaan, potensi dan berhemah bagi mencapai objektif perkara tersebut. Setiap warga UiTM perlu komited dalam berfikir dan pemikirannya terhadap tindakan dan perilaku tanpa ada penyalahgunaan kedudukan atau penyelewengan serta mengelakkan diri dari melakukan perbuatan yang mendahuluikan kepentingan diri sendiri dari kepentingan organisasi.

Nilai-Nilai Amanah

1. Sentiasa beramanah dan penuh tanggungjawab
2. Sentiasa menggunakan segala keupayaan yang ada bagi penghasilan yang berkualiti
3. Berlaku adil sesama warga UiTM dan pihak yang berkepentingan
4. Jujur dan setia kepada diri dan UiTM
5. Menjaga harta dan kepentingan UiTM serta tidak menyalahgunakan kemudahan yang diberikan
6. Menjaga rahsia dan maklumat UiTM pada setiap masa
7. Mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah diwujudkan sama ada di dalam UiTM ataupun di luar

Firman Allah s.w.t yang maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul (Muhammad) dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)”. (Al-Anfal: 27)

Sabda Rasulullah s.a.w yang maksudnya:

“Ada empat perkara, sesiapa yang melakukannya, maka ia adalah seorang munafik yang tulen. Sesiapa yang melakukan satu daripada empat perkara itu, maka ia mempunyai salah satu daripada sifat munafik, hingga dia meninggalkannya. (Empat sifat itu ialah) apabila dipercayai ia khianat, apabila bercakap, ia berdusta, apabila berjanji ia mungkir dan apabila bertengkar, ia mengenepekan kebenaran (menegakkan benang basah)”. (Hadith Riwayat Ahmad)



AKAUNTABILITI

Akauntabiliti

Setiap warga UiTM perlu bertanggungjawab terhadap segala keputusan dan tindakan dengan penjelasan dan justifikasi yang kukuh. Amanah dan tanggungjawab pula perlu dilaksanakan mengikut prosedur, arahan dan peraturan yang telah ditetapkan bagi memastikan matlamat dan objektif asal dicapai.

Nilai - Nilai Akauntabiliti

1. Mengawal dan mengawas sumber yang telah dipertanggungjawabkan kepadanya
2. Melaksanakan sesuatu perkara dengan tujuan mencapai objektif UiTM
3. Bertanggungjawab terhadap semua perlakuan dan keputusan yang dilakukan
4. Setiap tugas dilaksanakan dengan baik dan sempurna
5. Mematuhi peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan bagi menjayakan setiap tugas

Firman Allah s.w.t yang maksudnya:

“Tidak lurus (istiqamah) iman seseorang hamba itu sehingga hatinya lurus dan hatinya tidak akan lurus sehingga lurus lidahnya” **(Hadith Riwayat Ahmad)**

Sabda Rasullah s.a.w. yang maksudnya:

“Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dan mengetahui apa yang dibisikkan oleh hatinya, dan Kami lebih dekat kepadanya dari urat lehernya (iaitu) ketika dua malaikat mencatat amal perbuatannya, seorang duduk di sebelah kanan dan yang lain duduk di sebelah kiri. Tiada suatu kata pun yang diucapkan olehnya melainkan ada dekatnya pengawas yang selalu hadir.” **(Qaf : 16, 17, & 18)**



Menghargai Masa

MENGHARGAI MASA

Warga UiTM seharusnya menggunakan masa dengan cekap, berkesan dan sentiasa menghargai masa orang lain serta bertindak dan berperilaku mengikut keutamaan tanpa mengabaikan kualiti.

Nilai-Nilai Menghargai Masa

1. Menguruskan masa dengan baik
2. Perlu mempunyai keutamaan bagi setiap amanah
3. Mempunyai sikap menyegerakan setiap amanah yang diterima
4. Mempunyai tempoh perancangan bagi setiap pelaksanaan yang diamanahkan
5. Menepati masa bagi setiap penghasilan yang telah diamanahkan

Firman Allah s.w.t yang maksudnya:

“Demi masa, Sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian, kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh dan nasihat-menasihati supaya mentaati kebenaran dan nasihat-menasihati supaya menetapi kesabaran”. (Al - 'Asr: 1-3)

Sabda Rasulullah s.a.w yang maksudnya:

“Bahawasanya Allah itu amat kasih jika seseorang dari kamu melakukan sesuatu dengan penuh kesungguhan”. (Hadith Riwayat Al-Baihaqi)

DEDIKASI

Dedikasi

Warga UiTM dikehendaki bersedia dan memberi penumpuan yang khusus di dalam berfikir dan pemikiran dengan cekap, pantas, teliti, berkesan dan sempurna tanpa mengira masa dan tenaga. Perlu ada di dalam diri masing-masing sifat tidak mudah berpuas hati dalam bertindak dan berperilaku serta bersikap terbuka ke atas sebarang pilihan yang kreatif dan inovatif (*Blue Ocean Thinking*).

Nilai-Nilai Dedikasi


1. Bersikap positif, proaktif dan tekun
2. Menerima tanggungjawab dengan ikhlas tanpa rungutan
3. Cergas dan pantas dalam penghasilan berkualiti
4. Menghasilkan produk yang berkualiti

Firman Allah s.w.t yang maksudnya:

"Katakanlah (wahai Muhammad), bekerja keraslah kamu, maka Allah dan RasulNya serta orang-orang mukmin akan melihat pekerjaanmu itu dan kamu akan dikembalikan kepada Allah Yang Mengetahui segala yang ghaib dan nyata, lalu diberitahu kepada kamu apa yang telah kamu kerjakan". **(At-Taubah: 105)**

Sabda Rasulullah s.a.w yang maksudnya:

"Sesungguhnya Allah tidak memandang kepada rupa paras dan harta benda kamu tetapi Allah hanya memandang kepada niat hati dan amalan-amalan kamu". **(Hadith Riwayat Muslim)**



Tawaduk (Humility)

TAWADUK (HUMILITY)

Bersifat bersederhana dan merendah diri dengan mementingkan budi bahasa serta mempunyai sifat empati (*empathy*) yang tinggi. Selalu berfikiran positif dan terbuka untuk menerima secaraikhlas pandangan dan teguran bagi menghormati hak-hak orang lain di setiap peringkat. Pandangan pihak lain tidak diabaikan dan diterima secara terbuka bagi kebaikan bersama.

Nilai-Nilai Tawaduk

1. Menghormati ketua, rakan sejawat, staf sokongan dan pelanggan
2. Senang didampingi, bersopan santun dan tidak membangga diri
3. Teguran dan kritikan diterima seadanya bagi kebaikan UiTM
4. Cermat dalam kata-kata dan berfikir sebelum berbicara
5. Mematuhi arahan dan keputusan yang telah dipersetujui

Firman Allah s.w.t yang maksudnya:

“Dan janganlah engkau berjalan di muka bumi dengan berlagak sompong, kerana sesungguhnya engkau sekali-kali tidak dapat menembusi bumi dan tidak akan sampai setinggi gunung”.

(Al-Isra’: 37)

Firman Allah s.w.t yang maksudnya:

“Dan (ingatlah) Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sompong, takbur, lagi membanggakan diri”.

(Al-Hadid: 23)

Sabda Rasulullah s.a.w. yang maksudnya:

“Tidak sempurna iman orang yang suka mengecam, orang suka melaknat, orang suka bercakap kotor dan orang yang suka mencarut”.

(Hadith Riwayat Ahmad)

Sabda Rasulullah s.a.w. yang maksudnya:

“...Tidaklah seseorang itu merendah diri kerana mengharap keredhaan Allah melainkan akan diangkat darjatnya.”

(Hadith Riwayat Muslim)

Sabda Rasulullah s.a.w. yang maksudnya:

“Sesungguhnya Allah mengasihi hambanya yang bersifat taqwa, kaya jiwa serta tidak menonjolkan diri (merendah diri) walaupun berpangkat tinggi.”

(Hadith Riwayat Muslim)



PENAMBAHBAIKAN BERTERUSAN

Penambahbaikan
Berterusan

Warga UiTM perlu sentiasa mengimbas kembali setiap gaya berfikir dan pemikiran, gaya merasa dan menghayati serta tindakan dan perlakunya bagi tujuan mempertingkatkan kualiti **pengajian, pengajaran, pembelajaran, penyelidikan dan perkhidmatan profesional** sama ada secara individu atau berkumpulan. Perlu sentiasa berusaha menambah ilmu dan kemahiran supaya kualiti dan produktiviti dapat ditingkatkan. Usaha penambahbaikan secara berterusan seharusnya menuju kepada ‘zero defect’ dan kecemerlangan pada masa akan datang.

Sikap sentiasa bermuhasabah dari aspek pencapaian dan kualiti serta cadangan penambahbaikan yang optimum dari masa ke semasa. Perlu sentiasa memantau prestasi bagi membanteras aktiviti yang tiada nilai tambah dan mengenalpasti risiko signifikan yang mengganggu pencapaian objektif dan matlamat UiTM.

Nilai-Nilai Penambahbaikan Berterusan

1. Meningkatkan kemahiran/ilmu dari semasa ke semasa bagi kebaikan UiTM
2. Belajar daripada kesilapan supaya dapat mewujudkan budaya ‘zero defect’ dan kecemerlangan di dalam UiTM
3. Kehendak pelanggan perlu sentiasa diberi keutamaan
4. Proaktif dan sentiasa mencari perkara-perkara baru bagi meningkatkan pembangunan UiTM
5. Melibatkan diri di dalam majlis ilmu

Firman Allah s.w.t yang maksudnya:

“Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam budaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil) dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu, kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya”.

(Al-Baqarah: 195)

Sabda Rasulullah s.a.w. yang maksudnya:

“Orang mukmin yang paling sempurna imannya ialah yang terbaik akhlaknya (etikanya)”.

(Hadith Riwayat Abu Daud)

Sabda Rasulullah s.a.w. yang maksudnya:

“Sesungguhnya orang-orang yang terpilih di antara kamu ialah orang-orang yang mulia akhlaknya”.

(Hadith Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)



Berdisiplin

BERDISIPLIN

Warga UiTM yang berdisiplin mampu mengawal cara dan gaya berfikir dan pemikiran, cara dan gaya merasa dan menghayati serta cara dan gaya tindakan dan perilaku khususnya yang berkaitan dengan amanah yang diberikan dan dilaksanakan mengikut nilai-nilai murni. Mereka tidak akan melanggar mana-mana peraturan atau adab walaupun tidak diawasi.

Nilai-Nilai Berdisiplin

1. Mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan
2. Mengawal dan menjaga tingkah laku adab sopan, maruah diri dan imej UiTM
3. Beretika dan mengamalkan nilai-nilai murni yang telah diwujudkan

Firman Allah s.w.t yang maksudnya:

“Oleh itu ingatlah kamu kepadaKu, (dengan mematuhi akan hukum dan peraturanKu) supaya Aku ingat pula kepada mu dan bersyukurlah kepadaKu dan janganlah kamu mengingkari (nikmati)Ku”. **(Al-Baqarah:152)**

Sabda Rasulullah s.a.w. yang maksudnya:

“Allah memberikan rahmat kepada seseorang yang berusaha mencari harta dengan jalan yang halal dan membelanjakannya dengan cara sederhana dan berhemat serta menabung lebihannya untuk hari susah dan hajatnya”. **(Hadith-Riwayat Ibn an-Najjah)**



BEKERJASAMA

Bekerjasama

Sikap bantu-membantu perlu ada bagi setiap warga UiTM untuk melahirkan budaya UiTM yang sihat. Dengan gaya dan cara tindakan dan perilaku berkenaan dapat diwujudkan semangat ‘espirit de corp’ yang tinggi bagi menjamin pencapaian objektif amanah yang berkualiti.

Nilai-Nilai Bekerjasama

1. Saling membantu setiap waktu
2. Mempunyai sikap pemaaf dan tidak berdendam
3. Berfikiran terbuka dan sanggup mempertimbangkan pandangan dan nasihat yang diterima
4. Di dalam menjalankan sesuatu amanah, ganjaran tidak dititikberatkan
5. Mengutamakan semangat setiakawan

Firman Allah s.w.t yang maksudnya:

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan dalam perkara kebaikan dan taqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan dalam dosa (maksiat dan pencerobohan)”. **(Al-Maidah: 2)**

Firman Allah s.w.t yang maksudnya:

“Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain, mereka menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada berbuat kejahanatan, dan mereka mendirikan sembahyang dan memberi zakat serta taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah”. **(Al-Taubah: 71)**

Sabda Rasulullah s.a.w. yang maksudnya:

“Hubungan orang mukmin dengan orang mukmin yang lain adalah seperti sebuah bangunan yang menguatkan di antara satu dengan yang lain”. **(Hadith Riwayat Al-Tabrani)**

Sabda Rasulullah s.a.w. yang maksudnya:

“Gambaran kehidupan orang yang beriman dari segi kasih sayang, saling bersimpati dan saling cinta mencintai samalah seperti anggota tubuh yang jika salah satu daripadanya mengadu kesakitan, ia melibatkan seluruh anggota lain yang tidak tidur malam dan demam.”

(Hadith Riwayat Ahmad dan Muslim)





MENGEJAR KECEMERLANGAN DAN KESARJANAAN

Warga UiTM ditekankan supaya sentiasa mempertingkatkan ilmu dan kemahiran serta berjaya mengaplikasikannya agar berupaya menjadi aset kepada UiTM, masyarakat dan negara yang boleh dijadikan penanda aras oleh agensi lain. Keupayaan, potensi dan kepakaran setiap warga UiTM apabila diaplikasikan akan membolehkan mereka diiktiraf, dirujuk dan dihormati (*relevant, referred and respected*) di peringkat negara dan antarabangsa.

Nilai-Nilai Mengejar Kecemerlangan dan Kesarjanaan

1. Menggunakan seluruh keupayaan, potensi dan kepakaran untuk mencapai kecemerlangan
2. Mementingkan kualiti dalam semua aspek
3. Sentiasa berkongsi pengalaman, ilmu dan kepakaran untuk kejayaan bersama
4. Sentiasa mencari peluang untuk menambahkan ilmu dan pengetahuan yang boleh meningkatkan kualiti

Firman Allah s.w.t yang maksudnya:

"Sesungguhnya mereka sentiasa berlumba-berlumba dalam mengerjakan kebaikan, dan sentiasa berdoa kepada Kami dengan penuh harapan serta gerun takut, dan mereka pula sentiasa khusyu' kepada Kami". (Al-Anbiya': 90)

Sabda Rasulullah s.a.w. yang maksudnya:

"Barang siapa menempuh satu jalan untuk mencari ilmu, maka Allah akan mempermudahkan baginya jalan ke Syurga". (Hadith Riwayat Muslim)

BERSYUKUR

Bersyukur

Di dalam diri setiap warga UiTM perlu ditanamkan sikap sentiasa bersyukur kepada Tuhan di atas nikmat dan kurniaan yang telah dilimpahkan kepada mereka.

Nilai-Nilai Bersyukur

1. Sentiasa menghargai anugerah dan nikmat yang diterima dan reda serta sabar menghadapi ujian/ kegagalan yang datang.
 2. Setia kepada UiTM dan pemimpin
 3. Memberi pengiktirafan dan tahniah kepada mereka yang berjaya

Firman Allah s.w.t yang maksudnya:

"Sesungguhnya jika kamu bersyukur; pasti Kami akan menambah nikmat kepadamu, dan jika kamu mengingkari nikmatKu maka sesungguhnya azabKu amat pedih". **(Ibrahim: 7)**

Sabda Rasulullah s.a.w. yang maksudnya:

“Jauhi perasaan hasad dengki kerana hasad dengki menghapuskan kebaikan sebagaimana api memakan kayu.” **(Hadith Riwayat Abu Daud)**

Sabda Rasulullah s.a.w. yang maksudnya:

“Apabila kamu melihat seseorang dikurniakan kelebihan dengan harta melimpah ruah dan dengan kecantikan, maka lihatlah pula kepada orang yang serba kekurangan”.

"Sesiapa yang diberi sesuatu kebaikan hendaklah ia mengingatinya, sesiapa yang mengingati ia dianggap bersyukur. Sesiapa yang tidak mengenang budi yang diberi, ia dianggap sebagai kufur nikmat" (Hadith Riwaway Al-Tahrimi)



Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin

Budaya PERDANA UiTM



Budaya PERDANA UiTM adalah asas kepada pelaksanaan inisiatif ‘*World Mindset*’ Pejabat Pendaftar yang telah dikemukakan kepada pihak pengurusan untuk mewujudkan budaya sebuah IERU antarabangsa di kalangan warga UiTM.

Gagasan Budaya PERDANA UiTM menumpu kepada orientasi amalan warga terhadap Nilai dan Etika Warga UiTM berasaskan 7 Prinsip PERDANA yang mendasari konsep Budaya Kerja Kelas Pertama sebagai insan yang berihsan.

Proses pembudayaan akan berlangsung dalam tempoh lima tahun mulai 2010 oleh Pasukan Cendekiawan dan Juara Budaya PERDANA UiTM melalui pelbagai program untuk memudahcara kefahaman, penghayatan dan amalan oleh warga agar budaya warga UiTM sesuai serta mampu memacu kelestarian demi kegemilangan UiTM.

Nilai dan Etika Warga UiTM dan Budaya PERDANA UiTM

Dalam konteks ini, 10 Nilai dan Etika yang mendasari Kerangka Integriti UiTM merupakan kod amalan murni universal yang seharusnya diketahui, difahami dan dihayati untuk digarap dalam 7 prinsip Budaya PERDANA oleh setiap warga UiTM. Kesepaduan penghayatan 10 Nilai Asas Universiti dan amalan 7 prinsip Budaya PERDANA ini adalah citra warga UiTM dalam sebuah institusi pengajian tinggi awam yang cekap, berdisiplin serta istiqamah mengamalkan nilai-nilai murni masyarakat.

Gambar Rajah berikut menunjukkan bagaimana penghayatan Nilai dan Etika Warga UiTM digarap atau dicerna dalam amalan 7 prinsip Budaya PERDANA UiTM. PERDANA adalah singkatan kepada 7 prinsip PERDANA iaitu, (P); Pantas dan Positif, (E); Empati, (R); Relevan, (D); Daya Saing, (A); Amanah, Adil & Integriti, (N); Nilai Tambah dan Kelainan dan (A); Arif dan Berilmu.

PANTAS DAN POSITIF



Nilai dan Etika Warga UiTM dan Budaya PERDANA UiTM

EMPATI



RELEVAN



DAYA SAING



Nilai dan Etika Warga UiTM dan Budaya PERDANA UiTM

AMANAH, ADIL & INTEGRITI



NILAI TAMBAH & KELAINAN



ARIF & BERILMU



Audit Nilai

Audit Nilai adalah satu kaedah untuk menilai keberkesanan program-program nilai murni dalam perkhidmatan awam berdasarkan Arahan Y.A.B. Perdana Menteri No. 1 Tahun 1998, Siri 7 No. 1 Tahun 2007, Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Sistem Pengurusan Audit Nilai Dalam Perkhidmatan Awam di Agensi Kerajaan.

Jawatankuasa Audit Nilai UiTM mewujudkan Sistem Audit Nilai dan akan dibuka setiap bulan Jun dan Disember untuk warga UiTM memberi maklum balas dan cadangan. Maklumat Audit Nilai dan syor jawatankuasa akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus UiTM bagi merancang inisiatif penambahbaikan secara berterusan memastikan dan menjamin integriti di UiTM.

Nilai dan Etika Warga UiTM

Wawasan Setia Warga UiTM

Bersatu kita warga UiTM

Kita bangsa perkasa

Taat dan setiaku untuk Negara

Penuh semangat waja

Kita....

Jangan mudah terlupa

Pengorbanan, perjuangan

Anak bangsa

Kita...

Jangan mudah terleka

Kemajuan, keamanan

Yang ada...

Kita....

Berterima kasih

Pada pemimpin-pemimpin

Negara.....

Kita....

Rasa penuh bersyukur

Kerahmatan, kemuliaan

DariNya....

Kamilah pendokong, pewarisi bangsa

Kamilah

Pendaulat bangsa Malaysia

Kamilah

Warga berwawasan

Untuk negaraku



Nilai dan Etika Warga UiTM

JAWATANKUASA BUKU NILAI DAN ETIKA WARGA UiTM

PENGERUSI

- Dr. Hajah Zahrah Mokhtar

AHLI

- Prof. Dr. Abu Bakar Abdul Majeed
- Prof. Dr. Haji Ibrahim Kamal Abdul Rahman
- Prof. Dr. Mohd Mustafa Mohd Ghazali
- Encik Mohd Anuar Mazuki
- Encik Noor Hidayat Adnan
- Encik Mohd Ehsan Amin
- Puan Khairia Haji Ismail
- Encik Mohd Farid Zuhri
- Encik Muhammad Afiq Ismail

SETIAUSAHA

- Puan Nusuhah Mohamad
- Encik Mohd Hafiz Ramlee



Nilai dan Etika Warga UiTM

Senarai Rujukan

1. *Buku Nilai dan Etika Staf Pentadbiran UiTM*
2. *Buku Nilai dan Etika Pensyarah Universiti Teknologi MARA*
3. *Buku Panduan Pelajar Universiti Teknologi MARA*
4. *Monograf Budaya PERDANA UiTM – Amalannya*
5. *Abstrak Program Kemahiran Insaniah (KI) UiTM*
6. *Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2009. Pelaksanaan Aplikasi Psikologi: Budaya Kerja Pencapaian Diutamakan*
7. www.islam.gov.my/e-hadith

Nilai dan Etika Warga UiTM



NILAI & ETIKA WARGA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Kepercayaan yang mendorong tanggungjawab dan tingkah laku
warga untuk membentuk citra warga UiTM*
dalam sebuah institusi pengajian tinggi awam yang cekap, berdisiplin
serta istiqamah mengamalkan nilai-nilai murni masyarakat



Dato' Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar, FASc
Naib Canselor
21hb Disember, 2011

*Warga UiTM bermaksud Staf Pengajian, Staf Akademik dan Pelajar di seluruh Sistem UiTM.
Dedutuskan pada 21hb Disember 2011 Woleh Naib Canselor, Dato' Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar, FASc

Poster Nilai dan Etika Warga UiTM

Dilancarkan pada : 21 Disember 2011
oleh : Dato' Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar, FASc
Naib Canselor

NILAI & ETIKA WARGA UITM



NILAI & ETIKA WARGA UiTM

